



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

USUL TERIMA KASIH

**SEMPENA PEMBUKAAN
PERSIDANGAN PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA KE-14**

**11 MEI 2020 (ISNIN), 0930 PAGI
DEWAN UNDANGAN NEGERI, AYER KEROH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan

Salam Sejahtera. Salam Perpaduan. Salam Perikatan.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, saya menjunjung setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, Tuhan Rabbul Jalil di atas limpah, kurnia dan inayah-Nya, saya diberi peluang untuk kali pertama berada bersama Ahli-ahli Yang Berhormat berhimpun di Dewan yang mulia ini sempena Persidangan Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Melaka kali yang keempat belas ini.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka kerana telah memperkenankan pelantikan saya sebagai Ketua Menteri Melaka Ke-12 pada 9 Mac 2020 yang lepas.

3. Pada kesempatan ini juga, saya dengan penuh rasa rendah diri ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kepercayaan serta keyakinan, telah memberi perkenan untuk penubuhan Kerajaan Perikatan Nasional (PN) di negeri Melaka.

4. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama, Dato' Zurina binti Kassim serta keluarga sentiasa mendapat keberkatan dan kejayaan, hidayah dan keimanan, sihat sejahtera, dipanjangkan usia serta dimurahkan rezeki.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

5. Sebelum meneruskan ucapan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga, kepada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia, atas persetujuan melantik saya sebagai Ketua Menteri Melaka yang Kedua belas. Insya-Allah, amanah dan kepercayaan diberikan pucuk

pimpinan negara ini akan saya galas dengan penuh rasa tanggung jawab.

6. Kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah dipilih untuk mewakili suara-suara rakyat, ketahuilah bahawa kebertanggungjawaban ini merupakan satu amanah yang besar dan perlu dipikul dengan sebaik mungkin dan tidak disia-siakan umpama “menegakkan sumpit tak berisi”.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

KETUA MENTERI UNTUK SEMUA

7. Saya amat sedar dan cukup insaf bahawa saya bukanlah Ketua Menteri yang diberikan mandat oleh rakyat pada pilihan raya, tetapi siapalah saya juga, untuk menolak ketentuan dan takdir Tuhan Rabbul Jalil yang telah ditetapkan ke atas saya untuk memimpin Kerajaan Perikatan Nasional (PN) Negeri Melaka.

8. Namun, saya yakin dan percaya, bahawa segala limpah kurnia yang diberikan oleh Allah SWT ke atas diri saya ini, harus

dipikul dengan penuh ikhlas, adil dan saksama serta dilaksanakan dengan penuh jujur dan amanah.

9. Justeru, saya dengan penuh rasa rendah diri mengambil tanggungjawab berat serta kepercayaan yang diberikan ini dengan suatu tekad iaitu menjadi Ketua Menteri untuk semua rakyat, sama ada kaum Melayu, Cina, India, Portugis, Baba Nyonya, Chetti serta kaum-kaum lain di Negeri Melaka.

10. Maka itu, saya juga bertekad untuk menjadi Ketua Menteri yang berkhidmat dan bekerja untuk seluruh rakyat Melaka tanpa membeza-bezakan latar politik, budaya, kaum serta pegangan agama masing-masing.

11. Saya amat bersyukur ke hadrat Allah Azza Wajalla kerana melimpahkan rahmat ke atas negeri Melaka ini dan kepada negara kita, Malaysia, dengan peralihan kuasa di peringkat Kerajaan Persekutuan, mahupun negeri-negeri, yang berjalan secara teratur dan lancar tanpa sekecil mana pun kejadian yang tidak diingini, tidak seperti di sesetengah negara lain.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

NARATIF BAHARU KERAJAAN NEGERI MELAKA

12. Naratif baharu pentadbiran saya bersama semua anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) serta dibantu oleh barisan jentera perkhidmatan awam negeri yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hasim bin Hasan, Setiausaha Kerajaan Negeri, pertamanya, adalah perkhidmatan yang berpaksikan kepada kemaslahatan rakyat di semua peringkat.

13. Di bawah pentadbiran saya, kerajaan ini berazam menjadi sebuah kerajaan yang mendengar segala denyut nadi rakyat, mengambil tindakan, seterusnya menyelesaikan segala masalah yang dihadapi mereka. Selain itu, kerajaan ini juga berazam untuk mengurangkan bercakap dan berpolemik, sebaliknya akan melipat-gandakan bekerja dan berusaha bagi memajukan ekonomi dan memakmurkan negeri.

14. Kedua, Kerajaan Negeri pimpinan saya juga akan memberi tumpuan kepada kerangka dan gagasan baharu untuk mengenal pasti sumber pertumbuhan dan kekayaan baharu negeri Melaka,

bagi merangsang semula ekonomi negeri yang terjejas akibat COVID-19.

15. Selain itu, kerajaan ini juga tidak bercadang untuk mendendangkan pelbagai slogan dan retorik, sebaliknya hanya mahu segala usaha dan perancangan yang sedang dan akan dilakukan kelak, mampu memberi impak yang optimum kepada pertumbuhan ekonomi negeri serta kemakmuran kepada rakyat.

16. Namun, saya sedar bahawa tugas dan tanggungjawab besar untuk memberikan perkhidmatan dan penyampaian yang terbaik kepada rakyat serta merangsang kembali ekonomi negeri, bukan sahaja terpikul di atas pundak saya serta Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan semata-mata.

17. Sebaliknya, tugas dan tanggungjawab ini harus dikongsi bersama-sama oleh segenap lapisan masyarakat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat bukan kerajaan. Sesungguhnya, ini semua menuntut iltizam yang tinggi serta usaha yang bersungguh-sungguh. Seperti mutiara kata yang pernah dinukilkan Almarhum Buya Hamka; *“Kalau hidup hanya sekadar hidup, kera di hutan juga hidup; kalau kerja hanya sekadar kerja,*

kerbau di sawah juga kerja.” Justeru, marilah kita menjadi orang yang benar-benar ikhlas dan tekun dalam memajukan kerja.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker; Ahli-ahli Yang Berhormat;

PERUBAHAN “NORMA BAHARU”

18. Dalam situasi semasa, pemeraksanaan pendigitalan, antara pendekatan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus berjalan kerana ia adalah satu teknologi yang bukan sahaja harus dikuasai oleh rakyat tetapi perlu menjadi sebahagian daripada kehidupan harian, supaya mampu serasi dengan perkembangan terkini. Selari dengan situasi semasa, rakyat digalakkan menerokai pendigitalan dalam bidang perniagaan yang tidak bergantung kepada infrastruktur dan program sahaja, sebaliknya pasaran perniagaan yang kompetitif. Selain itu, rakyat juga boleh mula mempraktikkan amalan membeli barangan dan mengadakan mesyuarat secara atas talian (*online*) atau sidang video (*video conference*) sebagai amalan baharu.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat;

KRISIS AIR DI NEGERI MELAKA

19. Kerajaan faham akan masalah kekurangan bekalan air sehingga mengakibatkan program Bekalan Air Berjadual terpaksa dilaksanakan untuk tempoh dari 29 Januari sehingga 31 Mac 2020. Alhamdulillah, dengan keadaan perubahan cuaca dan kekerapan hujan, Kerajaan menjangkakan bahawa kawasan takungan air di empangan-empangan di negeri Melaka dapat pulih dalam masa beberapa bulan lagi. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menamatkan program Bekalan Air Berjadual pada 1 April 2020. Alhamdulillah, seluruh rakyat negeri Melaka dapat menikmati bekalan air yang berterusan. Saya berharap agar seluruh rakyat negeri Melaka dapat mendisiplinkan diri untuk menggunakan air secara berhemah.

20. Kerajaan sedar keperluan untuk mengurus sumber air dengan cekap, lebih-lebih untuk menyokong aktiviti ekonomi negeri. Justeru, Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan tindakan perancangan jangka pendek dan panjang bagi

memastikan kelangsungan bekalan air kepada masyarakat di negeri Melaka.

21. Antara tindakan pelaksanaan adalah dengan meneruskan pembinaan Projek Empangan Jernih pada tahun semasa, Projek *Off River Storage* (ORS), melaksanakan Kajian Kemungkinan Pembinaan Empangan Pesisir Pantai (*Coastal Reservoir*) di Lembangan Sungai-Sungai Negeri Melaka dan permohonan peruntukan RMKe-12 bagi Projek Mitigasi Tasik Biru dan Sungai Kesang sebagai alternatif musim kemarau serta beberapa projek baharu yang turut dipohon seperti:-

- i. Cadangan Projek Abstrak Air Mentah dari Kolam Tebatan Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Durian Tunggal ke Empangan Durian Tunggal; dan
- ii. Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Penyaluran Air Sungai Muar Fasa 3 (Rumah Pam Grisek) – Empangan Durian Tunggal.

22. Justeru, Kerajaan Negeri akan terus berusaha mencari jalan penyelesaian dalam usaha memulihkan bekalan air secara tuntas.

PENUTUP

23. Marilah kita mengangkat tangan dan berikrar untuk melafazkan taat setia serta menyokong penuh kepimpinan negara yang kini diterajui oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia. Ayuhlah kita bahu-membahu dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang besar ini demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri.

24. Sesungguhnya, negara dan negeri ini adalah milik rakyat, yang diamanahkan kepada pemerintah menjadi kerajaan, dan bukan milik segelintir manusia yang lupa kepada perjanjian. Justeru, saya bersama rakan-rakan daripada Perikatan Nasional (PN) beriltizam untuk membalas kepercayaan rakyat, dengan menambah baik agenda pembangunan sosio-ekonomi. Sudah pasti, tumpuan utama Kerajaan Negeri adalah meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat serta memajukan negeri. Dalam hal ini, suka saya mengimbau kembali peringatan oleh seorang patriot negara, Allahyarham Dato' Seri Dr. Burhanuddin al-Helmy tentang 'Hak Rakyat' dalam sebuah sajak yang berbunyi;

*Di atas runtuh Kota Melaka,
Kita bangunkan jiwa merdeka,
Bersatu-padulah seluruh baka,
Membela hak keadilan pusaka.*

25. Oleh itu, di kesempatan ini, saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bukan kerajaan, supaya bersama-sama dengan Kerajaan Negeri, membela nasib rakyat yang terkesan dengan keadaan ekonomi semasa.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

26. Sesungguhnya, banyak lagi tugas berat menanti Kerajaan Perikatan Nasional (PN). Kami perlu bekerja keras dengan meletakkan budaya integriti di tahap yang tertinggi demi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

27. Saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua penjawat awam terutama petugas-petugas *frontliner* kesihatan, pasukan keselamatan, badan berkanun, Pertubuhan Bukan Kerajaan, pihak swasta serta seluruh rakyat

negeri Melaka yang telah bersama-sama memberikan kerjasama bagi membendung COVID-19.

Yang Berhormat Dato Sri Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

28. Suka saya mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa nilai akal melambangkan keperibadian, dan tatasusila sesuatu bangsa umat manusia, dalam sesebuah peradaban. Oleh itu, memetik ungkapan Melayu tentang nilai akhlak pemimpin yang berbunyi;

Dalam memimpin lakunya cergas

Berfikir cepat bekerja tangkas

Hatinya lapang fikiran luas

Menghadapi masalah tiada cemas

Menunaikan tugas pantang bermalas

Menunaikan janji ianya kemas

Dijadikan pemimpin rakyat 'kan puas

Dijadikan tua lapanglah nafas

Dijadikan induk tidak terpapas

Sayapnya panjang terbangnya bebas

29. Akhir kalam, semoga apa yang direncanakan pada hari ini mendapat rahmat Allah SWT, dan menjadi pentas menjulang nama Malaysia amnya, dan Melaka khasnya, ke persada dunia. Saya panjatkan doa ke hadrat Tuhan Rabbul Jalil agar diberi petunjuk untuk terus mentadbir negeri ini, dengan jujur dan seikhlas hati. Semoga negeri Melaka akan terus maju dalam acuan dan kekuatan sendiri, untuk rakyat pada hari ini dan generasi masa akan datang.

*Banyak keluk ke penarik,
Keluk tumbuh pohon kuini;
Nan elok bawalah balik,
Nan tak elok tinggallah di sini*

*Dari Rokan ke Indragiri,
Membawa tinta ke Kuala Linggi;
Selesai sudah tugas diberi,
Di lain masa bersua lagi.*

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

